

KDN teliti buku hina Nabi: TPM

BH 13 SEP 2000

Oleh Kadir Dikoh dan Azman Mahmood

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, buku tulisan Pas yang mendakwa Nabi Muhammad sebagai pemimpin parti Islam pertama sudah diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk penelitian.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan lanjut terhadap bubertajuk Islam *Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?* itu akan diambil selepas diteliti.

"Saya sudah serah buku itu kepada KDN untuk diteliti. Tindakan lanjut akan diambil selepas proses itu dibuat," katanya selepas melancarkan Minggu Pembinaan Antarabangsa 2000 di Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Beliau juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika diminta mengulas pendedahan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kandungan buku itu selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, buku itu menghina Islam selain turut menyatakan bahawa selain Pas, parti lain adalah parti syaitan atau parti sekular.

Sebelum ini, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dilaporkan berkata Tuhan juga mencarut, semata-mata untuk mempertahankan buku *SHIT* yang dipenuhi kata-kata kesat tulisan ahli seumur hidup parti itu, Datuk Shahnun Ahmad.

Sementara itu, Ketua Unit Kawalan Penerbitan KDN, Tengku Mahmud Tengku Ismail, ketika dihubungi mengesahkan

“

Saya sudah serah buku itu kepada KDN untuk diteliti. Tindakan lanjut akan diambil selepas proses itu dibuat.

”

- Abdullah Ahmad Badawi

menerima buku itu yang mengandungi 194 muka surat dan dijual pada harga RM14.90.

"Kami sedang meneliti kandungannya dan esok ia juga akan dirujuk kepada Pusat Islam bagi mendapat pandangan pakar agama. Proses ini dijangka akan memakan masa dua minggu sebelum keputusan dibuat oleh menteri atau Timbalan Menteri Dalam Negeri sama ada untuk mengharulkannya atau tidak.

"Sebuah jawatankuasa (KDN) akan membuat perakuan itu nanti. Setakat ini, kami belum tahu lagi sejauh mana kandungan buku ini menghina Islam kerana penelitian sedang dilakukan," katanya.

Buku itu ditulis oleh orang yang bernama Ibnu Daullah dan diterbitkan oleh penerbitan 1000 dinar 2000 dan diedar oleh As-Syabab Media di alamat No.9, Jalan 1/4, 43650 Bandar Baru Bangi. Cetakan pertama ialah Mei 2000.

Buku itu yang dicetak oleh Otopack & Print Sdn Bhd dan mengandungi 11 bab, memaparkan gambar tiga pemimpin Pas pada kulit depan iaitu Presidennya, Datuk Fadzil Nor; Nik Aziz dan Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang.

Pada kulit belakangnya pula dicatatkan "Amanat untuk rakyat Malaysia"

daripada Fadzil.

Tinjauan *Berita Harian* di sekitar ibu kota mendapati, buku berkenaan sudah dijual sejak beberapa hari lalu, walaupun kebanyakan kedai hanya mendapat bekalan mulai hari ini.

Seorang peniaga buku di Kampung Baru yang enggan namanya disiarkan berkata, buku itu dihantar bersama buku-buku lain yang dipesan dan beliau tidak menyedari kandungannya menghina Rasulullah.

Sementara itu, Nik Aziz menafikan parti itu terlibat dalam penulisan dan penerbitan buku yang dikatakan menghina Nabi Muhammad itu.

Beliau berkata, penulis buku berkenaan, Ibnu Daullah, juga tiada kaitan dengan Pas kerana dia bukan ahli parti itu.

"Mana boleh sebuah buku yang disebut-sebut sebagai orang Pas menulis, tiba-tiba boleh (diperoleh) kepada pemimpin Umno dulu," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Kota Bharu, hari ini.

Nik Azii juga menyifatkan dakwaan kononnya Pas menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik dengan mengeluarkan buku itu sebagai 'sandiwara Umno' kerana beliau tidak pernah mendengar wujudnya cadangan dalam Pas untuk menulis buku.